

22 NOV 1999

Zhu-Malaysia

KEJAYAAN MALAYSIA BUKTIKAN PEMBANGUNAN SESUAI DENGAN KEADAAN SENDIRI

PUTRAJAYA, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri China Zhu Rongji berkata kejayaan Malaysia mengatasi krisis ekonomi menunjukkan bahawa sesebuah negara harus meneruskan usaha ke arah pembangunan yang sesuai dengan keadaan di negara itu.

"Kami yakin bahawa rakyat Malaysia berupaya mengatasi masalah yang dihadapi ke arah kemajuan dan kejayaan pada alaf baru," kata beliau pada majlis jamuan meraikan beliau oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Ini kali pertama kediaman baru Perdana Menteri, Sri Perdana digunakan bagi majlis seperti itu.

Zhu tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi lima hari. Beliau mengetuai delegasi 107 anggota mengandungi Menteri Luar Pang Jia Xuan, Menteri Pertanian Chen Yao Bang, Menteri Bantuan Khas Lin Hua Qiu dan Naib Gabenor Bank Rakyat China Yan Hai Wang.

Zhu berkata reformasi dan dasar terbuka yang diamalkan oleh China sejak dua dekad lalu juga membuktikan bahawa usaha ke arah membangunkan sosialisme dengan ciri-ciri keCinaan ialah langkah yang sesuai bagi pembangunan China.

Beijing menyifatkan penyerahan Macau kepada China pada 20 Dis sebagai langkah penting bagi rakyat China ke arah penyatuan nasional berikutan penyerahan Hong Kong kepada republik itu dua tahun lalu, kata beliau.

Zhu berkata kewujudan China yang bersatu, stabil lagi makmur bukan sahaja akan memenuhi kepentingan seluruh masyarakat China tetapi memberi sumbangan ke arah kestabilan, keamanan dan pembangunan di rantau itu dan dunia secara keseluruhan.

Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa China dan Malaysia dapat mewujudkan hubungan persahabatan dan kerjasama yang lebih luas melalui peningkatan usaha dua hala.

China dan Malaysia menjalin hubungan diplomatik 25 tahun lalu dan sejak itu hubungan dan kerjasama dua hala mencapai kemajuan berpandukan Lima Prinsip Kewujudan Bersama.

Kedua-dua perjanjian mengenai rangka bagi kerjasama dua hala pada masa depan yang ditandatangani oleh China dan Malaysia awal tahun ini mencorakkan usaha ke arah pemupukan hubungan berdasarkan semangat kejiranan yang baik, persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara, kata beliau.

-- BERNAMA

AFY FAZ